



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 19 April 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JKM Serbu Lokasi Pengemis Bermusim Di Masjid Kapitan https://www.kosmo.com.my/2023/04/19/jkm-serbu-lokasi-pengemis-bermusim-di-masjid-kapitan/	Kosmo	Neutral
2	Kanak-Kanak Tujuh Tahun Mangsa Rogol, Dera Ditemukan Di Tepi Jalan https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/958417/kanak-kanak-tujuh-tahun-mangsa-rogol-dera-ditemukan-di-tepi-jalan https://malaysiagazette.com/2023/04/18/ibu-dua-bapa-tiri-ditahan-rogol-serta-dera-budak-7-tahun/	Harian Metro Malaysia Gazette	Negatif

	<p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-7-tahun-mangsa-rogol-dera-ditemui-tepi-jalan-polis-tahan-3-suspek-416023</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/18/kanak-kanak-perempuan-7-tahun-ditemui-didera-dirogol/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/255077/berita/semasa/kanak-kanak-7-tahun-didera-dirogol</p> <p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/04/18/kanak-kanak-berjalan-tanpa-arrah-tuju-dipercayai-mangsa-rogol-polis-tahan-3-suspek-termasuk-ibu-mangsa</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/kanak-kanak-perempuan-7-tahun-ditemukan-tidak-terurus-mangsa-dera-dirogol/</p> <p>https://mykmu.net/2023/04/19/kanak-kanak-tujuh-tahun-mangsa-rogol-dera-ditemukan-di-tepi-jalan/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/04/19/kanak-kanak-7-tahun-ditemukan-tidak-terurus-mangsa-dera-dirogol/</p> <p>https://selangorkini.my/2023/04/tiga-individu-termasuk-wanita-ditahan-dipercayai-dera-rogol-budak-tujuh-tahun/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/04/18/kanak-kanak-ditemui-ditepi-jalan-disyaki-didera-dirogol/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>MStar</p> <p>Utusan</p> <p>MYKMU</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Malaysia Post</p>	
3	<p>Kanak-Kanak Hidap Skoliosis Perlu Bantuan RM5,000</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1091510/kanak-kanak-hidap-skoliosis-perlu-bantuan-rm5000</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=gOa13R-OFIQ</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
4	<p>Nurul Izzah, Gadis ‘Kerdil’ Gigih Siapkan Tempahan Baju Raya</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/18/nurul-izzah-gadis-kerdil-gigih-siapkan-tempahan-baju-raya/</p>	<p>TVSTV</p>	Neutral

5	<p>Konflik Rumah Tangga, Wanita Maut Disyaki Dicekik Suami</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/18/konflik-rumah-tangga-wanita-maut-disyaki-dicekik-suami/</p> <p>https://sabahmedia.com/2023/04/18/wanita-ditemui-mati-dipercayai-di-bunuh-suami/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/255052/berita/s-emas/konflik-rumah-tangga-wanita-maut-dipercayai-dicekik-suami</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-ditemui-maut-selepas-bertengkar-dipercayai-dibunuh-suami-416006</p>	<p>FMT</p> <p>Sabah Media</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Negatif
6	<p>Garaj Kereta Jadi Tempat Tinggal</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1091353/garaj-kereta-jadi-tempat-tinggal?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p>	Berita Harian	Neutral
7	<p>Sepasang Suami Isteri Warga Emas Ditemui Mati Di Kebun</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/18/sepasang-suami-isteri-warga-emas-ditemui-mati-di-kebun/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/suami-isteri-warga-emas-ditemukan-mati-dalam-kebun/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Utusan</p>	Neutral
8	<p>Lelaki Warga Emas Hilang Ketika Daki Gunung</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/18/lelaki-warga-emas-hilang-ketika-daki-gunung/</p>	Kosmo	Neutral
9	<p>Penyelia Dituduh Tipu Warga Emas RM200,000 Urusan Ambil Pekerja Asing</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/business/2023/04/18/penyelia-dituduh-tipu-warga-emas-rm200000-urusan-ambil-pekerja-asing/</p>	FMT	Neutral

http://origin.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1091308/penyelia-tipu-warga-emas-rm200000-urusan-ambil-pekerja-asing	Berita Harian
https://www.buletintv3.my/nasional/penyelia-didakwa-tipu-warga-emas-rm200000/	Buletin TV3
https://www.youtube.com/watch?v=YhiiDSb56BI	Berita Harian

JKM SERBU LOKASI PENGEMIS BERMUSIM DI MASJID KAPITAN

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/19/jkm-serbu-lokasi-pengemis-bermusim-di-masjid-kapitan/>

Sumber : Kosmo



GEORGE TOWN – Lokasi pengemis bermusim yang menjadikan kaki lima rumah kedai dan pekarangan luar Masjid Kapitan Keling di sini sebagai tempat wajib mengutip duit raya diserbu pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kelmarin.

Serbuan itu dipercayai susulan laporan Kosmo! kelmarin mengenai kehadiran lebih 50 pengemis di hujung minggu, sejak awal Ramadan lalu.

Seorang penduduk, Mohamed Rizdwan Abdul Ghafoor Khan berkata, kehadiran kira-kira 10 kakitangan JKM di lokasi tumpuan pengemis berkenaan dilihat sekitar pukul 5.30 petang.

“Kelihatan pengemis berlari lintang-pukang sebaik mereka menyedari kehadiran pihak JKM dengan ada antaranya lengkap mengenakan baju korporat.

“Tidak pasti ada tangkapan mahupun tidak semalam (kelmarin)

“Seperti yang diketahui, kehadiran pengemis bermusim ini akan datang selepas waktu berbuka puasa sehingga ke awal pagi keesokkannya,” katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Mohamed Rizdwan memberitahu, jumlah pengemis bermusim akan menjadi lebih berganda pada malam tujuh likur sementara yang tinggal jauh dikatakan akan pulang ke rumah sehari lebih awal bagi membuat persiapan Aidilfitri.

“Selepas bermalam pada malam 27 Ramadan di hadapan masjid, sebelah pagi pula mereka akan pergi ke setiap kedai di Jalan Masjid Kapitan Keling untuk meminta sedekah pula.

“Ini dikatakan sudah menjadi aktiviti tahunan mereka. Kami penduduk di sini yang terpaksa hadap dengan sampah-sarap yang dilonggok di tong sampah dekat pekarangan bawah rumah,” jelasnya.

KANAK-KANAK TUJUH TAHUN MANGSA ROGOL, DERA DITEMUKAN DI TEPI JALAN

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/958417/kanak-kanak-tujuh-tahun-mangsa-rogol-dera-ditemukan-di-tepi-jalan>

Sumber : Harian Metro



Manjung: Polis menahan dua lelaki dan seorang wanita disyaki merogol dan mendera kanak-kanak perempuan tujuh tahun.

Pemangku Ketua Polis Daerah Manjung, Deputy Superintendan Chong Boo Khim berkata, penahanan dilakukan selepas seorang lelaki menjumpai mangsa di tepi jalan seorang diri dan membawa mangsa ke balai polis di daerah berkenaan jam 11.50 pagi semalam.

Menurutnya, kanak-kanak perempuan berkenaan dijumpai dalam keadaan tidak terurus dan kusut masai.

"Mangsa seterusnya dihantar ke Hospital Manjung bagi tujuan rawatan.

"Hasil pemeriksaan pihak perubatan mendapati, mangsa dipercayai dirogol dan didera.

"Terdapat kesan kecederaan lama dan baru pada badan mangsa," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Boo Khim berkata, sepasukan pegawai polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung menahan dua lelaki dan seorang wanita di perkarangan balai polis jam 9.30 semalam kerana disyaki terbabit dalam kes terbabit.

"Ketiga-tiga suspek yang berusia antara 26 hingga 40 tahun itu mempunyai rekod jenayah lampau.

"Mereka direman sehingga 23 April depan bagi siasatan lanjut. Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2021 dan Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya.

KANAK-KANAK HIDAP SKOLIOSIS PERLU BANTUAN RM5,000

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1091510/kanak-kanak-hidap-skoliosis-perlu-bantuan-rm5000>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun, Angel Eng Low Hui Mei, memerlukan bantuan sebanyak RM5,000 bagi membolehkannya memakai pendakap tulang belakang akibat penyakit skoliosis yang dihadapi.

Neneknya, Yeow Kwek Lai, 53, berkata beliau menyedari cucunya menghidap penyakit itu ketika Angel berusia sembilan tahun apabila memegang bahagian belakang badan cucunya dan mendapati tulang bengkok, selain bahu kiri dan kanannya tidak seimbang.

Beliau yang tinggal di Klang kemudian membawa cucunya itu ke sebuah klinik berhampiran untuk membuat pemeriksaan dan Angel disahkan menghidap skoliosis pada Oktober tahun lalu selepas pemeriksaan susulan di Hospital Sungai Buloh.

"Doktor memberitahu cucu saya perlu guna pendakap dengan segera bagi mengelakkan tulangnya semakin membengkok," katanya dalam temu bual secara dalam talian, hari ini.

Kwek Lai berkata, ketika ini, tulang belakang Angel membengkok 36 darjah dan perlu menggunakan pendakap tulang belakang dengan segera.

Jelasnya, masalah kesihatan itu menyebabkan Angel, anak ketiga daripada lima orang beradik, tidak dapat menjalani banyak aktiviti harian di sekolah.

"Saya berharap tulang belakang Angel pulih selepas memakai pendakap ini tanpa perlu menjalani pembedahan. Saya mahu dia menjalani kehidupan seperti kanak-kanak seusianya dan mencapai cita-citanya menjadi pelukis," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu, boleh menyalurkan sumbangan dalam bentuk kepada kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan menulis nama pesakit di belakang cek.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat 4, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank bernombor 514105323170. Nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.

Semua sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP, layak mendapat pelepasan cukai.

NURUL IZZAH, GADIS 'KERDIL' GIGIH SIAPKAN TEMPAHAN BAJU RAYA

<https://tvstv.my/2023/04/18/nurul-izzah-gadis-kerdil-gigih-siapkan-tempahan-baju-raya/>

Sumber : TVSTV



BUTTERWORTH, 18 April: Seorang gadis orang kelainan upaya (OKU) kerdil di Merbau Kudung, Sungai Dua di sini tidak menjadikan kekurangan itu sebagai alasan untuk tidak berusaha dan memajukan diri.

Nurul Izzah Mohd. Asri, 25, sebaliknya memilih menggilap bakat dengan bergelar tukang jahit biarpun ketinggiannya hanya 117 sentimeter (cm).

Menurut anak keempat daripada lima beradik itu, rezekinya bertambah menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri apabila menerima tempahan menjahit baju lebih banyak.

Kata Nurul Izzah, sepanjang Ramadan kali ini, dia menerima tempahan kira-kira 50 pasang baju untuk disiapkan sebelum hari raya yang berbaki beberapa hari lagi.

“Saya hanya mampu menjahit antara empat ke lima pasang seminggu dan melakukannya bersendirian tanpa bantuan pekerja sejak sebelum puasa.



Tukang jahit kerdil, Nurul Izzah Mohd. Asri, 25, melakukan kerja menyiapkan tempahan pelanggan di sebuah bengkel khas di rumah keluarganya di Merbau Kudung, Sungai dua di sini. Foto: TVS

“Antara pakaian yang saya terima tempahan termasuklah baju kurung, baju Melayu, baju kebaya dan jubah sama ada untuk kanak-kanak atau dewasa,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Ujar Nurul Izzah, dia gembira kerana pelanggannya memberi kepercayaan tanpa sebarang diskriminasi biarpun terdapat sedikit kekurangan diri.

“Pelanggan begitu memahami dan tidak memandang sinis sebaliknya memberi sokongan dan motivasi, bahkan mempromosikan kepada rakan-rakan mereka.

“Ketika mengambil ukuran badan pelanggan, saya akan memanjat kerusi dan ia bukanlah satu cabaran yang besar kepada saya,” katanya yang melakukan kerja memotong kain di atas meja khas yang sesuai dengan ketinggiannya.

Tambah Nurul Izzah, perjalanannya dalam karier tukang jahit bermula ketika menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2015.

“Ketika itu saya fikir lebih baik saya buat sesuatu untuk mengisi masa lapang sambil menimba ilmu daripada tidak berbuat apa-apa.

“Mulanya saya mahu belajar memasak, tetapi ibu memberi galakan untuk saya menyertai kursus jangka pendek menjahit bersama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

“Ada juga yang menyindir sambil berkata saya tidak boleh pergi jauh kerana kekurangan ini, tetapi saya abaikan kata-kata itu dan mahu buktikan bahawa saya boleh,” katanya lagi.

Nuru Izzah berkata, dia bertuah kerana menerima bantuan daripada banyak pihak seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). – TVS

KONFLIK RUMAH TANGGA, WANITA MAUT DISYAKI DICEKIK SUAMI

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/18/konflik-rumah-tangga-wanita-maut-disyaki-dicekik-suami/>



PETALING JAYA: Seorang wanita ditemui mati dipercayai dicekik suami dalam kejadian di sebuah bilik sewa di Jalan Pantai, Kota Kinabalu, pagi tadi.

Sebelum itu, jiran pasangan terbabit menyedari berlaku pertengkaran di bilik berkenaan kira-kira 5 pagi dan suami mangsa kemudiannya mengetuk pintu dan meminta mereka keluar dari bangunan.

Mereka kemudiannya menghubungi polis pada 8 pagi sebelum mayat wanita itu ditemui, manakala suaminya berusia 30-an turut terbaring dengan kesan kelar dan luka.

Ketua Polis Kota Kinabalu Mohd Zaidi Abdullah, berkata siasatan awal mendapati mangsa tinggal bersama suaminya dalam bilik sewa berkenaan.

Katanya, mangsa dipercayai dibunuh oleh suaminya berikutan terdapat kesan lebam pada leher dipercayai dicekik, selain kesan luka pada dahi.

“Kita percaya kes ini lebih kepada konflik rumah tangga antara mangsa dan suaminya kerana sebelum kejadian, jiran mangsa terdengar pertengkaran antara kedua-dua mereka.

“Pasangan terbabit ditemui dalam keadaan terbaring dan jiran sedikit lewat menghubungi pihak polis,” katanya menurut Berita Harian.

Zaidi berkata, siasatan awal mendapati suami mangsa adalah pekerja restoran, manakala isterinya seorang suri rumah.

Katanya, mayat mangsa dihantar ke Hospital Queen Elizabeth I (HQE I) untuk bedah siasat dan polis masih melakukan siasatan lanjut terhadap motif kejadian.

“Kes disiasat mengikut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh,” katanya.

GARAJ KERETA JADI TEMPAT TINGGAL

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1091353/garaj-kereta-jadi-tempat-tinggal?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp

Sumber : Berita Harian



SUNGAI PETANI: Sepasang suami isteri bersama dua anak perempuan terpaksa menjadikan garaj kereta di Kampung Sungai Batu Besi, Merbok di sini sebagai tempat tinggal sejak dua minggu lalu akibat kesempitan hidup.

Jamil Ahamad, 35, berkata dia tidak mempunyai pilihan lain, berikutan tidak mampu lagi membayar sewa rumah selepas berhenti kerja sebagai pengawal keselamatan kerana masalah gaji empat bulan lalu.

"Sebelum ini kami menyewa di Seberang Perai Utara, namun sebab banyak sangat tunggakan dan tak mampu bayar, kami ambil keputusan untuk berpindah ke Sungai Batu dan menumpang di bawah tempat parking kereta depan rumah ayah.

"Saya dan isteri, Siti Nur Syahera Nabila Hamzah, 28, sepakat untuk tinggal sementara di tempat letak kereta berkeluasan 5x5 meter.

"Walaupun tidak berdinging dan hanya berlantaikan tanah tetapi inilah kediaman yang sesuai buat kami pada masa ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Jamil, dia tidak sampai hati untuk menumpang di rumah mentuanya, Shion Junus, 50, yang berdekatan dengan garaj itu kerana rumah itu kecil selain terdapat lima lagi adik iparnya termasuk empat perempuan tinggal di situ.

"Memang kami berhajat untuk tinggal sementara di sini sebelum menyewa di tempat lain dan sekarang pun saya sedang berusaha mencari kerja baharu.

"Tambahan lagi isteri saya sekarang sarat mengandung dan dijangka melahirkan anak ketiga awal Mei ini menyebabkan kami memilih untuk tinggal berdekatan keluarga biarpun dalam serba kekurangan," katanya.

Kata Jamil, dia tidak boleh melakukan kerja berat kerana tulang pahanya patah selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya pada 2009 lalu.

"Bagi menampung hidup selepas berhenti kerja saya mengambil upah melakukan kerja kampung dengan pendapatan tak menentu dan hanya mengharapkan bantuan bulanan RM400 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang baharu diterima April ini," katanya.

Keluarga itu turut mendapat kunjungan daripada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Muda setelah kisah mereka tular di media sosial sejak kelmarin.

SEPASANG SUAMI ISTERI WARGA EMAS DITEMUI MATI DI KEBUN

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/18/sepasang-suami-isteri-warga-emas-ditemui-mati-di-kebun/>

Sumber : Kosmo



JEMPOL – Sepasang suami isteri warga emas ditemui mati dalam kebun kelapa sawit Mahsan, Bandar Seri Jempol, di sini, petang semalam.

Sumber berkata, kedua-duanya disedari tidak pulang ke rumah sejak keluar awal pagi 16 April lalu untuk rutin ke kedai teh berhampiran, bersarapan bersama sebelum ke kebun.

Menurutnya, anak pasangan suami isteri itu bimbang ibu bapanya tidak pulang ke rumah walaupun hari sudah malam dan segera memaklumkan kepada saudaranya bagi mencari mereka.

“Akhirnya, pasangan warga emas itu ditemukan mati di kebun mereka kira-kira pukul 4 petang semalam. Si suami meninggal di dalam kereta, manakala isterinya pula tidak jauh dari kereta berkenaan di dalam kebun,” katanya hari ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook mengesahkan kejadian berkenaan dan menyatakan bedah siasat telah dijalankan di Unit Perubatan Forensik, Hospital Jempol, pagi tadi.


“Mangsa yang meninggal dunia ialah Chang Tong, berusia 83 tahun dan isterinya, Wong Kwan Thai @Wong Kam Thai, 82. Hasil bedah siasat mendapati punca kematian kedua-duanya ialah serangan jantung.

“Kes diklasifikasikan sebagai kes mati mengejut,” katanya dalam satu kenyataan hari ini. – KOSMO! ONLINE

LELAKI WARGA EMAS HILANG KETIKA DAKI GUNUNG

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/18/lelaki-warga-emas-hilang-ketika-daki-gunung/>

Sumber : Kosmo



KULAI – Seorang warga emas lelaki dilaporkan hilang di kawasan mendaki gunung berdekatan Taman Gemilang, di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Kulai, Superintendan Tok Beng Yeow berkata, pihaknya menerima panggilan telefon daripada pihak Bomba Daerah Kulai pada pukul 3.30 petang semalam memaklumkan bahawa lelaki tempatan itu hilang di kawasan kejadian.

Beliau berkata, identiti warga emas itu sudah dikenal pasti iaitu Liew Yoo Foo yang berusia 63 tahun.

“Sejurus makluman diterima, pihak Polis Daerah Kulai bersama-sama pasukan Bomba Dan Penyelamat Daerah Kulai telah menjalankan operasi mencari mangsa di kawasan mendaki gunung berhampiran di Jalan Suasa yang dipercayai lokasi terakhir mangsa.

“Pada pukul 4.18 petang, operasi mencari yang dijalankan menjumpai basikal yang digunakan oleh mangsa serta topi basikal di puncak Bukit Gemilang,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beng Yeow berkata, pusat kawalan tempat kejadian (PKTK) telah dibuka di tempat kejadian. Sehingga kini mangsa masih belum ditemui.

“Pihak polis, pasukan bomba serta pasukan mendaki gunung awam masih berusaha mencari mangsa yang hilang,” katanya. – KOSMO! ONLINE

PENYELIA DITUDUH TIPU WARGA EMAS RM200,000 URUSAN AMBIL PEKERJA ASING

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/business/2023/04/18/penyelias-dituduh-tipu-warga-emas-rm200000-urusan-ambil-pekerja-asing/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Penyelia syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan memperdayakan seorang lelaki berhubung pengambilan pekerja asing membabitkan kerugian hampir RM200,000.

Bagaimanapun, tertuduh A Gunasegaran, 56, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Norshila Kamaruddin, menurut Berita Harian.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh memperdayakan seorang lelaki warga emas berusia 71 tahun bahawa dia boleh mendapatkan kelulusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi pengambilan pekerja warga asing sedangkan ia tidak sebagaimana dijanjikan.

Ia mendorong mangsa menyerahkan wang RM185,932 dengan memasukkan ke dalam tiga akaun bank milik tertuduh yang mana mangsa tidak akan menyerahkannya jika tidak diperdaya demikian.

Perbuatan itu dilakukan pada Januari 2018 hingga 5 Ogos 2022 di Lukut, Port Dickson.

Dakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak kurang satu tahun dan maksimum 10 tahun dan dengan sebat serta denda.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Zulfikri Mohd Nasir menawarkan jaminan RM100,000 kerana menyifatkan ia kesalahan serius selain mahkamah perlu mengambil kira jumlah kerugian dalam kes berkenaan.

Peguaam V Segaran yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah memandangkan lelaki itu baru sahaja bekerja selepas lapan bulan menganggur kerana menjalani pembedahan lutut.

Norshila menetapkan jaminan RM50,000 dengan syarat tambahan pasport perlu diserahkan kepada mahkamah serta melapor diri di balai polis berhampiran.

Mahkamah turut menetapkan 12 Jun untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.